

D.R. 43/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

[]

BAHAWASANYA adalah suai manfaat untuk meminda undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengawalan dan pengawalseliaan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan:

DAN BAHAWASANYA adalah juga suai manfaat bahawa peruntukan dibuat untuk memberikan kuasa eksekutif kepada Persekutuan bagi perkara yang berhubungan dengan sistem bekalan air dan perkhidmatan bekalan air dan untuk menjelaskan bahawa kuasa eksekutif yang telah diberikan kepada Persekutuan bagi perkara yang berhubungan dengan sistem pembedungan dan perkhidmatan pembedungan diteruskan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, mengikut Fasal (1) Perkara 74 dan Fasal (2) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan, **DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif “lengkapan air”, dengan memasukkan selepas perkataan “(selain sesalur utama awam)” koma.

Pindaan seksyen 61

3. Seksyen 61 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “**awam**”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “awam” di mana-mana jua terdapat;
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Tiada seorang pun boleh melepaskan ke dalam atau membenarkan dilepaskan ke dalam mana-mana tangki septik apa-apa efluen terlarang atau apa-apa benda lain yang mungkin merosakkan atau mengurangkan fungsi tangki septik itu atau menyebabkan gangguan kepada perkhidmatan pembetungan.”; dan

(d) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” perkataan “atau (1A)”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “satu ratus ribu” dengan perkataan “satu juta”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “satu tahun” dengan perkataan “sepuluh tahun”.

Pindaan seksyen 86

4. Subseksyen 86(1) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan “pemegang lesen” perkataan “perkhidmatan”.

Pindaan seksyen 110

5. Seksyen 110 Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

- (a) dalam perenggan (7)(b), dengan memasukkan selepas perkataan “sebagaimana yang diperuntukkan di bawah” perkataan “Ordinan Tanah Sabah sebagaimana yang diubah suai oleh”; dan
- (b) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1)” dengan perkataan “subseksyen (3)”.

Pindaan seksyen 121

6. Seksyen 121 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:
 - “(1A) Seseorang yang mencemarkan atau menyebabkan supaya dicemarkan mana-mana alur air atau sistem bekalan air atau mana-mana bahagian alur air itu atau sistem bekalan air itu dengan apa-apa bahan yang menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan

pemberhentian sementara atau penutupan sistem bekalan air atau gangguan bekalan air, melakukan suatu kesalahan.”.

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” perkataan “atau (1A)”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “sepuluh tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit” dengan perkataan “lima belas tahun atau didenda tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima belas juta ringgit”; dan
- (iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya” dengan perkataan “tidak kurang daripada dua ratus ribu ringgit dan tidak melebihi sepuluh juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) atau (1A), boleh dikehendaki membayar kos yang ditanggung oleh pemegang lesen untuk memulihkan sistem bekalan air yang telah terjejas disebabkan oleh pencemaran itu.

(2B) Mahkamah hendaklah, dalam membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2A), mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) kesan pencemaran itu;
- (b) kos yang ditanggung oleh pemegang lesen itu;

(c) kerosakan pada, atau kerugian, harta yang dialami oleh pemegang lesen itu; dan

(d) apa-apa faktor lain yang difikirkan relevan oleh mahkamah.

(2C) Bagi maksud membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2A), mahkamah boleh mengadakan suatu siasatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(2D) Seksyen 432 Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] hendaklah terpakai bagi apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini.”.

Pindaan seksyen 122

7. Subseksyen 122(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(ca) melepaskan atau membuang apa-apa sisa, kumbahan, efluen, makhluk, yang mati atau hidup, benda atau bahan, ke dalam mana-mana lurang; atau”; dan

(c) dengan menggantikan—

(i) perkataan “lima puluh ribu” dengan perkataan “satu juta”; dan

(ii) perkataan “enam bulan” dengan perkataan “sepuluh tahun”.

Pindaan seksyen 123**8. Subseksyen 123(3) Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “satu ratus ribu” dengan perkataan “satu juta”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “satu tahun” dengan perkataan “sepuluh tahun”.

Pindaan seksyen 148**9. Subseksyen 148(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “[Akta 593]”.****Pindaan seksyen 165****10. Subseksyen 165(1) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “ialah” perkataan “pengarah,”.****Pindaan seksyen 173****11. Subseksyen 173(1) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “and” dengan perkataan “dan”.****Pindaan seksyen 174****12. Perenggan 174(1)(a) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris, dengan memasukkan selepas perkataan “septic tank” koma.****Pindaan seksyen 180****13. Subperenggan 180(a)(iv) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “sistem” dengan perkataan “perkhidmatan” di mana-mana jua terdapat.**

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 61 Akta 655 untuk menjelaskan bahawa kesalahan di bawah seksyen 61 adalah berhubung dengan larangan untuk pelepasan apa-apa efluen terlarang atau benda berbahaya ke dalam pemetung dan tempat rawatan kumbahan supaya selaras dengan takrif ungkapan “pemetung” dan “tempat rawatan kumbahan” dalam Akta. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (1A) dalam seksyen 61 Akta 655 bagi melarang pelepasan efluen terlarang dan apa-apa benda lain ke dalam tangki septik. *Fasal* ini selanjutnya bertujuan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah subseksyen 61(1) dan (1A) Akta 655 sebagai suatu langkah pencegahan.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 121 Akta 655 untuk menjadikan suatu kesalahan jika mana-mana orang mencemarkan sumber air yang menyebabkan berlakunya pemberhentian sementara atau penutupan sistem bekalan air. Selanjutnya, penalti dinaikkan sebagai suatu langkah pencegahan memandangkan pencemaran sistem bekalan air akan menjejaskan sebilangan besar pengguna. Subseksyen baharu 121(2A), (2B), (2C) dan (2D) Akta 655 yang dicadangkan dimasukkan bagi membolehkan mahkamah untuk memerintahkan mana-mana orang yang disabitkan di bawah subseksyen 121(1) atau (1A) untuk membayar kos bagi memulihkan sistem bekalan air itu yang telah terjejas disebabkan oleh pencemaran yang dilakukan oleh orang itu.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 122(1) Akta 655 untuk menjadikan pelepasan atau pembuangan apa-apa kumbahan, efluen, makhluk, benda atau bahan ke dalam mana-mana lurang sebagai suatu kesalahan.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 123(3) Akta 655 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan membuat sambungan bekalan air yang menyalahi undang-undang.

7. *Fasal 2, 4, 5, 10, 11 dan 13* bertujuan untuk meminda seksyen 2, subseksyen 86(1), perenggan 110(7)(b) dan subseksyen 110(8), subseksyen 165(1), subseksyen 173(1) dan perenggan 180(a)(iv) Akta 655 masing-masing untuk membetulkan kesalahan dalam teks bahasa kebangsaan untuk diselaraskan dengan teks bahasa Inggeris.

8. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3032]